

**SULIT**

*Garis Panduan Pemeriksa Bahasa Melayu Kertas 2 Percubaan PMR*

**02/2**

**Bahasa**

**Melayu**

**Kertas 2**

**2009**

**2 jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
NEGERI PERAK  
2009**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

Dua jam

---

---

**SKEMA JAWAPAN**

**BAHAGIAN A**  
**RINGKASAN DAN PEMAHAMAN**  
**( 30 MARKAH )**

**SOALAN BAHAGIAN A (i) – ( 20 MARKAH )**  
**MERINGKASKAN KARANGAN**

**A. Perkara yang perlu diberi perhatian:**

- Bahasa – dinilai secara impression
- Tandakan kesalahan bahasa
- Kesalahan ejaan – tidak ditolak markah
- Markah bahasa 10
- Markah isi 10

**B. Pemeringkatan markah**

PERINGKAT	MARKAH BAHASA (10)		MARKAH ISI (10)	
	BAHASA	MARKAH	ISI	MARKAH
Sangat baik	Baik dan lancar	9 - 10	5	9 - 10
Baik	Masih baik dan lancar	7 - 8	4	7 - 8
Sederhana	Memuaskan / kurang lancar	5 - 6	3	5 - 6
Lemah	Tidak cekap dan menyalin bulat-bulat	1 - 4	1 - 2	1 - 4

**C. Skema Jawapan Ringkasan**

Diharap pelajar dapat menulis minimum 5 isi penting.

Cadangan isi penting :

***Kepentingan pelancongan di Malaysia***

1. Menjadi satu sumber ekonomi baharu yang menguntungkan.
2. Merupakan sumber pendapatan kedua terbesar bagi negara kita.
3. Menjadi *penggerak utama* tukaran wang asing.
4. Membuka banyak peluang pekerjaan.
5. Meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman.
6. Golongan pekerja mahir dan separa mahir juga akan mendapat peluang untuk bekerja.
7. Menarik lebih banyak pelaburan asing.
8. Membuka peluang perniagaan yang luas kepada rakyat tempatan.
9. Membolehkan Malaysia mempromosikan produk tempatan.

**BAHAGIAN A (ii) - PEMAHAMAN**

1. Maksud rangkai kata *penggerak utama* ialah *sumber/faktor penting*. (2 markah)
2. Perniagaan yang akan wujud dengan berkembangnya sektor pelancongan di negara kita ialah...
  - perniagaan berbentuk perkhidmatan sama ada untuk penginapan mahupun pengangkutan (2 markah)
  - perniagaan makanan (2 markah)
  - perniagaan hasil kraf (2 markah)
  - perniagaan di pusat-pusat beli belah (2 markah)

*(pilih mana-mana dua jawapan)*

3. Sebagai rakyat Malaysia, sumbangan yang boleh saya berikan untuk membantu industri pelancongan negara ialah...
  - melancong dalam negara / tidak melancong ke luar negara (2 markah)
  - menjadi rakyat yang berbudi bahasa untuk memberi keselesaan kepada pelancong (2 markah)
  - menjaga kebersihan alam sekitar (2 markah)

*(pilih mana-mana dua jawapan)*

*(jawapan lain yang sesuai boleh diterima)*

**BAHAGIAN B**  
**KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN**  
**( 20 MARKAH )**

PERINGKAT / MARKAH	CIRI-CIRI KARANGAN
A ( 16 – 20 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan kata dan ayat gramatis.</li> <li>❖ Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>❖ Penggunaan ejaan dan tanda baca.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan yang kecil dalam penggunaan kata.</li> <li>❖ Isi tepat berdasarkan tugas.</li> <li>❖ Huraian isi luaran seperti pendapat ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai serta berkembang.</li> <li>❖ Pengolahan menarik dan berkesan.</li> </ul>
B ( 11 – 15 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan kosa kata tepat.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan yang kecil dalam penggunaan kata, frasa dan ayat.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang kecil.</li> <li>❖ Isi masih tepat berdasarkan bahan.</li> <li>❖ Huraian isi luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan kurang dikembangkan.</li> <li>❖ Pengolahan menarik.</li> </ul>
C ( 6 – 10 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan kata, frasa dan ayat.</li> <li>❖ Kesalahan ejaan dan tanda baca ketara.</li> <li>❖ Isi kurang tepat berdasarkan tugas.</li> <li>❖ Huraian isi luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan terhad.</li> <li>❖ Pengolahan tidak menarik.</li> </ul>
D ( 1 – 5 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa tidak cekap.</li> <li>❖ Isi kabur dan tidak berkaitan dengan tugas.</li> </ul>

**SOALAN BAHAGIAN B – 20 MARKAH**  
**KARANGAN BAHAN RANGSANGAN****CADANGAN JAWAPAN.**

**Tugasan :** *Huraikan pendapat anda tentang kebaikan mengamalkan sikap prihatin dalam kalangan masyarakat.*

**Cadangan Jawapan:****Pendahuluan**

- Masyarakat Malaysia terkenal dengan sikap penyayang dan prihatin.
- Mereka tidak teragak-agak untuk menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan sama ada dari segi tenaga, masa mahupun wang ringgit.

**Isi-isi yang dicadangkan (Kebaikan)**

- Dapat meringankan beban kewangan masyarakat yang ditimpa kesusahan
  - mangsa banjir biasanya kehilangan harta benda -
  - orang sakit memerlukan wang untuk mendapatkan rawatan.
- Dapat meredakan perasaan orang yang ditimpa musibah/bencana
  - orang yang sakit akan rasa lega apabila ada sahabat atau saudara yang menziarahi
  - mereka merasakan masih ada orang sayang dan prihatin terhadap nasib mereka
- Dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat / perpaduan kaum
  - bantu-membantu antara kaum
  - orang yang berkemampuan membantu golongan yang miskin
  -
- Dapat memupuk semangat bekerjasama :
  - Mewujudkan tabung mangsa bencana alam / pesakit kronik
  - Membersihkan dan membina rumah mangsa banjir

**Kesimpulan :**

- Sikap prihatin perlu terus disuburkan dalam diri masyarakat kita.
- Masyarakat kita akan hidup dalam keadaan yang lebih sejahtera:

**BAHAGIAN C**  
**KARANGAN RESPON TERBUKA**  
**( 40 MARKAH )**

PERINGKAT PENCAPAIAN	DESKRIPSI
A ( 34 – 40 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>❖ Penggunaan dan tanda baca yang betul.</li> <li>❖ Isi relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li>❖ Pengolahan menarik serta berkesan.</li> <li>❖ Pemerenggan sesuai dan format menepati kehendak tugas.</li> <li>❖ Terdapat penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa.</li> </ul>
B ( 27 – 33 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>❖ Penggunaan ejaan dan tanda baca betul.</li> <li>❖ Penggunaan kosa kata luas.</li> <li>❖ Isi relevan, huraian jelas berserta dengan contoh.</li> <li>❖ Pengolahan menarik, pemerenggan sesuai dan format menepati tugas.</li> <li>❖ Terdapat penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa</li> </ul>
C ( 20 -26 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan ayat majmuk gabungan gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan ejaan dan tanda baca.</li> <li>❖ Penggunaan kosa kata umum dan terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>❖ Isi relevan dan huraian masih jelas.</li> <li>❖ Pengolahan masih menarik, pemerenggan masih sesuai dan format sesuai mengikut tugas.</li> </ul>
D ( 13 – 19 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan ayat mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan ejaan dan tanda baca.</li> <li>❖ Isi masih relevan tetapi huraian tidak jelas.</li> <li>❖ Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai dan format kurang tepat /format bercampur aduk.</li> </ul>
E ( 01 – 12 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.</li> </ul>

- \* Karangan Berformat : Maksimum 2 markah akan ditolak bagi kesalahan format.
- \* Kesalahan Ejaan : Maksimum 2 markah akan ditolak bagi kesalahan ejaan.

**BAHAGIAN C (KARANGAN RESPON TERBUKA) – 30 MARKAH****CADANGAN JAWAPAN****Soalan 1**

Anda telah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah hasil daripada persediaan awal sebelum menduduki peperiksaan tersebut. Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan persediaan yang telah anda lakukan.

Sediakan surat tersebut selengkapnya.

**Format :**

Surat kiriman tidak rasmi :

**Pendahuluan :**

- bertanya khabar dan perkembangan pelajaran
- menceritakan kejayaan dalam peperiksaan.

**Isi 1 :**

- merancang jadual waktu belajar
- belajar lebih sistematik

**Isi 2 :**

- mengamalkan diet pemakanan yang seimbang
- melakukan aktiviti senaman atau riadah

**Isi 3 :**

- membuat ulang kaji lebih terancang dan sistematik
- mengikuti kelas tuisyen intensif

**Isi 4 :**

- persediaan mental dan rohani
- mempunyai keazaman yang tinggi
- semangat juang yang tinggi
- mohon restu ibu bapa dan guru

**Penutup**

- berharap rakannya akan mencapai kejayaan cemerlang
- Salam untuk keluarga

**Soalan 2**

Gejala cetak rompak memberi impak negatif kepada masyarakat dan negara.

Huraikan langkah-langkah untuk menangani gejala ini.

**Pendahuluan :**

- gejala cetak rompak sering kali dipaparkan di media massa
- persoalannya mengapakah gejala ini terus menular

**Isi 1 :**

- kesedaran individu tentang keburukan kegiatan tersebut
- pengguna hendaklah memulaukan barang cetak rompak

**Isi 2 :**

- kerjasama masyarakat untuk melaporkan kegiatan cetak rompak kepada pihak berwajib

**Isi 3 :**

- penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa
- pemantauan oleh pihak berwajib

**Penutup :**

kerjasama masyarakat, pihak kerajaan dan pemilik bertindak mencegah berlakunya cetak rompak

**Soalan 3**

Sejak akhir-akhir ini, kebakaran sering berlaku yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan mengorbankan nyawa manusia.

Berikan sebab-sebab berlakunya kebakaran di negara kita.

**Pendahuluan :**

Pepatah menyatakan ‘kecil-kecil dibuat kawan, bila besar jadi lawan.’

Kebakaran mengakibatkan kehilangan jiwa dan harta benda.

Banyak perkara yang boleh menyebabkan berlakunya kebakaran.

**Isi 1 :** Kecuaian masyarakat.

- tidak berhati-hati menggunakan alatan elektrik, lilin, ubat nyamuk dan lain-lain.
- menggunakan alatan elektrik yang berkualiti rendah
- cara penyimpanan dan penggunaan tidak mengikut peraturan
- membakar secara terbuka

**Isi 2 :** Masalah sistem pendawaian

- pengguna tidak peka keadaan atau tahap pendawaian yang digunakan.
- pendawaian tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan

**Isi 3 :** Kecuaian pemaju dan kontraktor

- tidak memenuhi arahan Jabatan Bomba
- sikap ingin mendapat untung yang lumayan.

**Isi 4 :**

- Pengusaha haram menggunakan elektrik domestik

**Kesimpulan :**

Masyarakat perlu lebih berhati-hati semasa memasak, menggunakan alatan elektrik dan tidak melakukan pembakaran terbuka.

Menyediakan alatan pemadam api di tempat yang sepatutnya.

**Soalan 4**

“Hukuman merotan pelajar perlu diwujudkan semula di sekolah-sekolah”

Jelaskan kebaikan pelaksanaan hukuman tersebut.

**Pendahuluan :**

- merotan suatu bentuk hukuman kepada pejar di bangku sekolah
- perlu dilaksanakan untuk tindakan yang segera

**Isi 1 :**

- memberikan kesedaran yang mendalam kepada pelajar yang terlibat
- wujud rasa malu, keinsafan dan rasa perit dirotan
- serik untuk mengulangi perkara tersebut

**Isi 2 :**

- memberi iktibar kepada pelajar yang lain untuk melakukan perbuatan melanggar batasan
- menjadi had batasan atau sempadan

**Isi 3 :**

- hukuman merotan lebih bersifat mengajar, mendidik dan mengelakkan pelajar lain mengulangi kesalahan yang sama

**Isi 4 :**

- kesalahan berat tidak berkesan melainkan dirotan
- kaedah merotan lebih berkesan

**Penutup :**

hukuman merotan relevan seandainya kaedah lain tidak memberi kesan dan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan oleh kementerian pelajaran.

5.

**Pulau pandan jauh ke tengah,  
Gunung daik bercabang tiga;  
Hancur badan di kandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.**

Pantun di atas membawa maksud ketinggian nilai budi dalam masyarakat.

Anda diminta menulis cerpen berdasarkan nilai murni yang disampaikan melalui pantun di atas.

Isi :

- Pelajar dapat menceritakan tentang cara berbudi melalui kaedah penceritaan / pemerian tentang dirinya atau orang lain.
- Pastikan cerita tersebut menjurus kepada maksud pantun di atas.

**SOALAN BAHAGIAN D – 10 MARKAH**  
**(KAJIAN NOVEL)**

**a. Peraturan markah**

- i. Jawapan berdasarkan novel tingkatan 1, 2 atau 3
- ii. Pengajaran → (1 markah untuk satu pengajaran)
- iii. Bukti → (1 markah untuk satu bukti)
- iv. Markah maksimum – 6 markah
- v. Markah bahasa – maksimum 4 markah (secara impression)
- vi. Maksimum markah keseluruhan – 10 markah
- vii. Pengajaran dan bukti yang bersesuaian boleh diterima.

**CADANGAN JAWAPAN**

**AKU ANAK TIMUR (Tingkatan 1)**

Bil	Pengajaran	Bukti
1.	Kita mestilah memiliki semangat cinta akan tanah air.	Zarina sedar Malaysia ialah tempat yang paling sesuai untuk dirinya berbanding dengan negara luar.
2.	Kita mestilah hormat-menghormati antara satu sama lain.	Mevrouw De Vries (tuan rumah sewa En. Ali) menghormati adat dan budaya orang Timur.
3.	Kita sewajarnya mendengar nasihat orang yang lebih tua daripada kita.	Zarina tidak mendengar nasihat ibu bapanya supaya tidak terus berkawan dan keluar dengan Niek.
4.	Kita sepatutnya bersahabat dengan sesiapa pun tanpa mengira warna kulit.	Zarina tidak kisah berkawan dengan Niek walaupun berlainan bangsa dan agama.
5.	Ibu bapa hendaklah sentiasa prihatin terhadap pergaulan anak-anaknya.	Puan Ros dan En Ali menasihati Zarina supaya tidak berkawan dengan Niek kerana bimbang keselamatanannya.

**KAPTEN HASSAN WIRA BANGSA (Tingkatan 2)**

Bil	Pengajaran	Bukti
1.	Kita hendaklah berani menentang musuh yang mengancam keselamatan negara.	Kapten Hassan berani menentang pegganas komunis dalam beberapa siri pertempuran yang berlaku.
2.	Kita janganlah mudah terpedaya dengan godaan yang akan menghancurkan diri kita.	Kapten Hassan berjaya mengelakkan dirinya daripada digoda oleh Ah Moi yang menjadi pengintip pegganas komunis.
3.	Kita mestilah menunaikan segala perintah Tuhan.	Kapten Hassan tidak lupa untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Islam walau berada di hutan.
4.	Kita jangan mudah berputus asa.	Kapten Hassan tetap mahu menduduki ujian untuk kenaikan pangkat walaupun telah beberapa kali gagal.
5.	Kita perlu tabah menghadapi segala dugaan dan cabaran.	Kapten Hassan tabah meneruskan kehidupannya walaupun semua ahli keluarganya dibunuh oleh pegganas komunis.

**MERDEKA! MERDEKA! (Tingkatan 3)**

Bil	Pengajaran	Bukti
1.	Kita hendaklah hidup bersatu padu.	Penduduk Kampung Teras Jernang bersatu hati membina kubu bagi mengelak serangan musuh.
2.	Kita perlu cekal dalam menghadapi dugaan.	Kudin tetap cekal untuk meneruskan ucapannya walaupun dia menerima berita kematian bapanya.
3.	Kita perlu gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.	Orang Melayu gigih berusaha untuk menggagalkan penubuhan Malayan Union sehingga berjaya.
4.	Kita mestilah sanggup berkorban demi tanah air tercinta.	Mak Bibah sanggup menyumbangkan wang hasil jualan kuih-muihnya kepada pejuang-pejuang Persatuan Pahlawan Kemerdekaan.
5.	Kita mestilah berani berjuang menentang pegganas komunis.	Kudin berani melibatkan diri dalam usaha menentang pegganas komunis walaupun baru berusia 15 tahun.